

Tentukan kedudukan koperasi

KUBANG PASU 11 Ogos - Kerajaan diminta supaya menetapkan segera kedudukan koperasi di mana-mana kementerian bersesuaian bagi membolehkan pergerakan itu merencana program dengan lebih berkesan untuk faedah para ahli.

Naib Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Dr. Mohd. Azlan Yahya berkata, sehingga kini ramai pihak masih tertanya-tanya mengenai kedudukan koperasi setelah nama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ditukar namanya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Saya ada bertemu dengan Menteri Pembangunan Usahawan, Mohd. Redzuan Md. Yusof baru

baru ini dan beliau memberitahu hal ehwal koperasi mungkin diletakkan di bawah kementeriannya.

"Bagaimanapun saya difahamkan perkara itu masih belum diputuskan sepenuhnya kerana ada juga kemungkinan hal ehwal koperasi kembali diletakkan di bawah KPDNHEP," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Pengurusan Berat Badan anjuran Angkasa di Hotel Darul Aman, Jitra, di sini hari ini.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa negeri, Wan Ibrahim Wan Jusoh serta timbalannya, Mohd. Hani-zan Zalazilah.

Mengulas lanjut katanya, sebagai badan induk, Angkasa tidak mempunyai halangan sekiranya kerajaan mahu meletakkan hal

ehwal koperasi di bawah mana-mana kementerian yang dinyatakan itu kerana kedua-duanya mampu memainkan peranan penting dalam memperkasa koperasi.

"Di bawah KPDNHEP sesuai kerana koperasi di Malaysia ini banyak terlibat dengan kepenggunaan dan atas alasan itu jugalah kami diletakkan di bawah KPDNKK. Di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan juga tiada masalah kerana koperasi juga banyak melibatkan usahawan.

"Terpulang kepada kerajaan. Cumanya kami berharap supaya keputusan itu dilaksanakan secepat mungkin bagi membolehkan kami bergerak seiring dengan polisi ditetapkan kementerian kerana perkara itu akan memberi kesan kepada gerakan koperasi," katanya.



MOHD. AZLAN YAHYA (depan, empat dari kiri) dan **Wan Ibrahim Wan Jusoh** (depan, tengah) bersama para peserta selepas merasmikan Seminar Pengurusan Berat Badan anjuran Angkasa di Hotel Darul Aman, Jitra, Kedah, semalam. - MINGGUAN/FARIZ RUSADIO